



NEWSLETTER

Disediakan Oleh:

SITI ZAKIAH MUHAMAD ISA

Pengarah, BPPAS

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan mulai pada 18 hingga 31 Mac 2020 di seluruh Negara berdasarkan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Seterusnya, pada 25 Mac 2020, Kerajaan telah memutuskan tempoh PKP ini dilanjutkan sehingga 14 April 2020 memandangkan tempoh dua minggu tersebut dilihat gagal untuk mengekang penularan wabak COVID-19. PKP yang dilaksanakan ini termasuklah larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara serta penutupan premis perniagaan kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.



YAB
Perdana Menteri
Malaysia

Sumber : RTM

Semasa Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pandemik COVID-19 pada 16 Mac 2020 yang lalu, beliau telah memberi jaminan bahawa bekalan bahan-bahan makanan, keperluan harian dan penjagaan kesihatan adalah mencukupi.

Jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan tidak terjejas ketika pelaksanaan PKP yang melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Agensi ini akan sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh PKP ini berkuatkuasa.

IMPAK PKP KEPADA SEKTOR PERTANIAN

Dalam keadaan krisis yang dihadapi oleh seluruh dunia berdepan dengan pandemik COVID-19, bekalan makanan merupakan faktor utama bagi kelangsungan hidup penduduk di sesebuah Negara. Bekalan makanan pula merujuk kepada sumber pertanian yang dijalankan oleh sesebuah Negara sama ada pengeluaran domestik, import dan juga eksport yang mencukupi untuk menampung keperluan penduduk.

Sektor pertanian memainkan peranan yang penting dalam membekalkan makanan, menyediakan bahan mentah kepada industri dan menjana peluang pekerjaan kepada berjuta-juta orang. Sektor Pertanian merangkumi sub sektor seperti berikut:

Tanaman

- Kelapa Sawit
- Getah
- Tanaman Lain



Perikanan

- Akuakultur
- Marin



Ternakan



Perhutanan Dan Pembalakan



Aktiviti dalam sektor pertanian termasuklah aktiviti tanaman komoditi & agromakanan, penternakan, perikanan marin dan akuakultur diteruskan untuk memastikan bekalan bahan makanan seperti daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil perikanan mencukupi untuk kegunaan rakyat Malaysia.

1



KELAPA SAWIT

Sepanjang PKP dilaksanakan, kelonggaran operasi telah diberikan kepada industri kelapa sawit mengambil kira kepentingan industri ini serta implikasi besar jika ia dihentikan dalam tempoh PKP. Kelonggaran meliputi perkara seperti berikut:

- Membenarkan penuaian buah tandan segar sawit oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil.
- Membenarkan pemprosesan buah tandan segar dilaksanakan oleh kilang-kilang sawit.
- Membenarkan pemprosesan minyak sawit mentah di kilang penapis untuk pengeluaran minyak masak bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan.
- Membenarkan aktiviti penorehan getah bagi tujuan pembekalan bahan mentah untuk penghasilan produk peralatan perubatan seperti sarung tangan dan kateter.
- Membenarkan aktiviti bagi sektor perikanan beroperasi untuk memenuhi kontrak sedia ada yang telah dimeterai.

(tan metrik)

	Januari	Februari	Mac
Buah Tandan Segar (<i>Fresh Fruit Bunch</i>)	5,966,128	6,521,617	7,002,974
<i>Crude Palm Oil</i> (CPO)	1,171,534	1,288,515	1,397,313
Eksport Kelapa Sawit	1,213,539	1,082,345	1,181,422
Import (CPO + PPO)	85,033	66,735	75,258

Pengeluaran buah tandan segar bagi bulan Mac 2020 (*Fresh Fruit Bunch* (FFB)) merekodkan peningkatan daripada 6,521,617 tan metrik pada Februari kepada 7,002,974 tan metrik pada Mac 2020. Merujuk kepada *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC), eksport kelapa sawit menurun 10.8 peratus kepada 1,082,346 tan metrik pada Februari 2020 berbanding 1,213,519 tan metrik pada Januari 2020. Walaubagaimanapun, ia meningkat semula pada Mac 2020 kepada 1,181,422 tan metrik. Trend yang sama juga ditunjukkan bagi aktiviti import.

Wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan dimana permintaan kelapa sawit dijangka menurun menjelang separuh pertama tahun 2020 kerana kebanyakan negara melaksanakan *lockdown* akibat COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, pandemik COVID-19 tidak akan memberi impak besar kepada industri kelapa sawit negara kerana ia terus disokong oleh permintaan tempatan dan antarabangsa, pengkomersialan produk hiliran, penerokaan pasaran baru serta inisiatif kerajaan.

Secara harian, telah berlaku turun dan naik harga bagi CPO dalam tempoh 18 hingga 31 Mac 2020 seperti berikut:

Tarikh	Januari	Februari	Mac
18	NT	2,708.50	2,300.50
19	PH	2,694.50	2,264.50
20	2,963.00	2,649.00	2,311.00
21	2,931.50	2,667.00	NT
22	2,974.00	NT	PH
23	2,991.50	PH	2,316.00
24	2,984.00	2,645.00	2,370.50
25	NT	2,545.00	2,429.50
26	PH	2,509.50	2,423.50
27	PH	2,486.50	2,445.00
28	2,736.00	2,413.50	NT
29	2,777.50	NT	PH
30	2,689.00		2,482.00
31	2,680.00		2,392.50
Average	3,013.50	2,714.50	2,382.00

Sumber : Malaysia *Palm Oil Board*

NT : Tiada Urusniaga
PH : Cuti Am



2



GETAH


Operasi yang melibatkan komoditi getah masih berjalan seperti biasa sepanjang PKP. Tidak dinafikan bahawa PKP memberi kesan kepada pengeluaran getah SMR Malaysia. Walaubagaimanapun, dalam masa yang sama, pokok getah berada dalam *wintering season* setiap tahun mulai Februari sehingga awal Mei dimana daun-daun getah akan gugur dan hasil getah juga akan berkurangan.

Malaysian Rubber Board mengatakan bahawa semua aktiviti pembelian dan penjualan pemprosesan getah adalah dibenarkan beroperasi seperti biasa sepanjang PKP.

Berdasarkan data anggaran yang disediakan, berlaku peningkatan kepada pengeluaran getah bagi Mac 2020 mengambil kira *wintering season* dan permintaan kepada susu getah yang meningkat.

(kg.)

Pengeluaran Getah Mengikut Suku Tahunan dan Tahunan



TAHUN	QTR	PENGELUARAN	EKSPORT	IMPORT	STOK
2018	1	164,666	154,214	336,952	823,844
	2	112,851	162,861	192,557	666,100
	3	167,392	166,526	231,287	549,119
	4	158,420	155,315	253,987	509,493
2019	1	185,230	144,163	274,819	619,445
	2	115,198	167,327	221,182	525,253
	3	179,418	171,210	248,115	554,105
	4	159,984	148,604	338,583	650,669
2020	1	169,344 *	* Data anggaran		

Statistik Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2018

(tan metrik)

Pengeluaran	Import	Eksport	SSR (%)	IDR (%)	PCC (kg/ tahun)
24,428.3	55,914.9	3,824.6	31.9	73.1	1.7
80,641.1	129,547.4	1,895.8	38.7	62.2	6.1
128,742.4	10,295.1	7,085.3	97.6	7.8	4.0
52,318.4	442.4	3,315.6	105.8	0.9	1.4
57,103.5	1,063.8	4,900.8	107.2	2.0	1.6
85,134.1	15,040.6	24,621.1	112.7	19.9	2.3
72,307.8	640.1	9,222.8	113.5	1.0	1.9
46,113.6	9,425.6	15,257.4	114.5	23.4	1.2
39,311.5	4,212.0	9,459.4	115.4	12.4	1.0
199,422.3	4,645.6	46,444.8	126.5	2.9	4.2

KECUKUPAN BEKALAN MAKANAN UTAMA

- Cili 
- Kobis bulat 
- Sawi 
- Bendi 
- Kacang panjang 
- Timun 
- Bayam 
- Salad 
- Terung 
- Tomato 

Jenis sayur-sayuran yang dipaparkan merupakan sayuran yang boleh diperolehi di rumah kebanyakan penduduk di Malaysia. Tahap kebergantungan kepada import untuk memenuhi keperluan domestik adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa pengeluaran domestik masih boleh menampung keperluan penduduk Malaysia bagi item-item yang disenaraikan. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik. Manakala, penggunaan per kapita bagi setiap individu juga ditunjukkan di jadual yang disediakan.

SSR : Kadar Sara Diri)

- SSR ≥ 100% menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

IDR : Kadar Kebergantungan Import)

- Semakin tinggi IDR, semakin bergantung Negara pada komoditi pertanian yang diimport.


PCC : Pengguna Per Kapita

- Amaun penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun.

3



**KECUKUPAN
BEKALAN
MAKANAN
UTAMA
(samb.)**

	BERAS	
	2016	2017
SSR (%)	70.3	70.0
PCC (%)	79.5	74.4





Sepanjang PKP ini juga, jelapang padi masih beroperasi seperti biasa dan tiada sekatan/halangan dikenakan walaupun bilangan tenaga buruh dikurangkan.

SSR beras pada 2017 menurun dari 70.3 peratus pada 2016 kepada 70.0 peratus. Pada masa yang sama, PCC beras turut menurun sebanyak 5.1 kilogram kepada 74.4 kilogram setahun pada 2017 berbanding tahun sebelumnya. Tiada beras yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan di eksport ke luar Negara bagi memastikan beras untuk penduduk Malaysia adalah mencukupi.

Statistik Perikanan Terpilih, Malaysia, 2018







(tan metrik)

Pengeluaran	Import	Eksport	SSR (%)	IDR (%)	PCC (kg/tahun)
158,691.0	31,719.6	7,003.3	86.5	17.3	5.5
15,421.2	5,845.5	3,530.4	86.9	33.0	0.4
163,185.1	25,190.2	25,951.5	100.5	15.4	4.4
71,333.0	1,922.6	3,429.2	102.1	2.7	2.1
69,691.0	16,501.8	19,430.9	104.4	24.7	2.1

- Mackerel 
- Ketam 
- Udang 
- Tuna 
- Sotong 

Statistik Ternakan Terpilih, Malaysia, 2018

(tan metrik)

	Pengeluaran	Import	Eksport	SSR (%)	IDR (%)	PCC (kg/tahun)
Daging kambing/bebiri 	4,571.6	36,081.0	14.6	11.2	88.8	1.3
Daging lembu/kerbau 	47,597.1	152,155.3	697.7	23.9	76.4	5.7
Susu segar 	38,4888.8	26,290.9	1,966.2	61.3	41.9	1.9
Daging babi 	217,360.4	20,488.7	1,424.7	91.9	8.7	17.9
Daging ayam/itik 	1,707,563.7	71,695.7	39,218.2	98.3	3.7	51.1
Telur ayam/itik 	914,094.2	11.1	116,195.6	114.6	0.001	22.8



Statistik Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2018

(tan metrik)

Pengeluaran	Import	Eksport	SSR (%)	IDR (%)	PCC (kg/tahun)	Jenis
150,006.9	3,432.7	64,225.9	168.1	3.8	2.6	Tembikai
52,551.0	446.9	18,015.4	150.2	1.3	1.0	Betik
61,075.3	111.0	6,001.2	110.7	0.2	1.6	Cempedak /Nangka
322,459.5	2,607.6	19,521.0	105.5	0.9	7.2	Nanas
341,331.6	7,847.3	23,367.3	104.8	2.4	9.8	Durian
68,906.6	4,139.2	6,755.0	103.9	6.2	1.8	Jagung Manis
330,956.5	16,863.9	24,205.7	103.2	5.2	9.4	Pisang
52,910.9	1,277.9	2,156.2	101.7	2.5	1.5	Rambutan
495,531.1	250,126.0	3,401.5	66.8	33.7	21.5	Kelapa
15,306.7	53,827.3	3,545.3	23.3	82.1	1.9	Mangga

KECUKUPAN BEKALAN MAKANAN UTAMA (samb.)

TERNAKAN


Pengeluaran daging ayam/itik pada 2018 iaitu 1,707,563.7 tan metrik. Peningkatan pengeluaran tertinggi adalah telur ayam/itik iaitu 5.7 peratus, diikuti susu segar (5.1%) dan daging kambing/bebiri (3.9%). Eksport telur ayam/itik pula adalah 116,195.6 tan metrik.


PERIKANAN

Pengeluaran mackerel dan udang mencatatkan masing-masing 18,800.9 tan metrik (13.4%) dan 2,531.2 tan metrik (1.6%). Eksport perikanan terpilih iaitu mackerel mencatatkan 4,948.9 tan metrik, udang (2,388.6 tan metrik), tuna (1,976.4 tan metrik) dan ketam (878.0 tan metrik).

BUAH-BUAHAN

Buah-buahan yang merekodkan kadar sara diri (SSR) melebihi 100 peratus antaranya ialah tembikai, betik, cempedak/nangka dan lain-lain kecuali kecuali kelapa dan mangga. Tembikai kekal mencatatkan SSR tertinggi dengan 168.1 peratus, diikuti betik (150.2%) dan belimbing (146.2%). Justeru, kadar kebergantungan import (IDR) mangga adalah yang tertinggi iaitu 82.1% untuk memenuhi permintaan tempatan. Sebaliknya, nanas dan cempedak/nangka merekodkan IDR di bawah 1.0 peratus. Penggunaan per kapita (PCC) kelapa adalah tertinggi iaitu 21.5 kilogram setahun diikuti durian (9.8 kg/tahun), pisang (9.4 kg/tahun) dan nanas (7.2 kg/tahun). PCC terendah adalah belimbing iaitu 0.1 kilogram setahun.





KESIMPULAN

- Aktiviti pertanian dikategorikan sebagai *essential services* yang diteruskan untuk memastikan bekalan komoditi pertanian terutamanya getah dan kelapa sawit serta bekalan makanan seperti sayur-sayuran, hasil ternakan, perikanan tidak terjejas.
- Berlaku kerugian kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti tanaman kerana terdapat lambakan sayur-sayuran yang terpaksa dibuang disebabkan tiada pembeli. Terdapat *miscommunication* di jaringan pembekal dan pengedar iaitu semua aktiviti pengangkutan penghantaran hasil pertanian telah terhenti pada Fasa 1 PKP. Walaubagaimanapun, masalah tersebut telah diatasi dan aktiviti berjalan seperti biasa bagi memastikan pembekalan hasil pertanian mencukupi.
- Pekerja-pekerja ladang telah dikurangkan sebanyak 50% dan diberi cuti tanpa gaji. Namun begitu Pakej Prihatin Nasional yang diumumkan oleh kerajaan membantu mereka terutama di bawah B40.
- Berlaku juga *substitute* keperluan lain kepada makanan semasa PKP.
- Meningkatkan celik IT dikalangan petani, penternak, nelayan dan pekebun berkenaan cara pemasaran kerana banyak menerima pembelian secara atas talian.
- Pengeluaran hasil ikan dijangka boleh bertahan untuk tempoh 3 bulan kerana bot-bot kelas C kebanyakannya tidak kelaut disebabkan pengurangan pekerja yang majoriti terdiri daripada pekerja asing.
- Krisis bekalan makanan di Malaysia dilihat tidak akan berlaku kerana langkah-langkah awal yang telah diambil oleh kerajaan dalam memastikan sumber bekalan makanan daripada hasil pertanian telah diatasi.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

PENGELUARAN PRODUK MAKANAN UTAMA SEMASA PKP

Berdasarkan data yang diperoleh daripada pihak MOA dan agensi-agensi pertanian yang berkaitan, bekalan makanan untuk penduduk Malaysia sepanjang PKP adalah mencukupi. Data ini telah diselaraskan mengikut keupayaan pengeluaran bekalan pertanian dalam Negara berdasarkan kepada SSR, IDR dan PCC yang di peroleh berdasarkan siri masa Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih yang diterbitkan secara tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Usaha kerajaan yang berterusan dan tindakan-tindakan yang diambil dengan segera bagi memastikan tiada pembaziran berlaku memberi manfaat dan keuntungan kepada pengeluar pertanian terutama yang terlibat dalam aktiviti pembekalan makanan.



Sumber :

- Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih
- Penerbitan Banci Getah Bulanan
- Siaran Akhbar Cetak/*Online* BERNAMA, The Edge, ASTRO AWANI, RTM, TV3, Berita Harian, The Malay Mail dll.

Penghargaan kepada :

- En. Ahmad Shafique bin Mohamed
- Pn. Siti Fatimah binti Muhazir

